




Muzium Orang Asli pamer ketamadunan



GOMBAK 21 Feb. – Umum mengetahui Orang Asli merupakan antara kelompok masyarakat asal di Tanah Melayu dan mereka mempunyai seni budaya unik dan ketamadunan yang tersendiri.

Mereka memiliki karya seni, kraftangan, adat resam, pantang larang yang masih dipelihara dan diamalkan sehingga kini walaupun Malaysia mengalami arus kemodenan.

Tidak ingin sejarah silam masyarakat Orang Asli hilang ditelan zaman, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) menubuhkan sebuah muzium di sebuah bangunan kayu yang merupakan rumah kediaman rasmi bekas Ketua Pengarah JHEOA pada tahun 1987.

Kemudian pada tahun 1995, pihak JHEOA telah membina muzium baru dengan kos RM3.5 juta dan telah siap pada 19 Jun 1998.

Terletak di Kilometer 24 Jalan Pahang, Gombak, Muzium Orang Asli mengabadikan sejarah silam masyarakat Orang Asli sebagai bahan sejarah dengan mengumpul, memelihara dan mempamerkan semula segala bentuk warisan budaya peninggalan masyarakat mereka untuk tata-

pan generasi masa kini dan akan datang.

Muzium itu juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan sejarah dan budaya serta latar belakang masyarakat Orang Asli.

Ketua Muzium Orang Asli, **Asmawi Mohd. Yunos** berkata, terdapat tujuh bahagian di dalam muzium ini iaitu sudut Senoi Praaq, sudut peralatan memburu, adat perkahwinan Orang Asli, kepercayaan, peralatan muzik, pakaian dan perhiasan.

“Setiap sudut menceritakan tentang kehidupan, dan budaya masyarakat Orang Asli di Malaysia.

“Terdapat 1,300 jenis artifak yang mencakupi 18 suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan diperagakan mengikut pembahagian sudut,” katanya.

Menurut Asmawi, sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan dengan purata pengunjung dalam setahun seramai 25,000 orang.

“Kami sering menganjurkan pelbagai program seperti minggu kebudayaan Orang Asli yang diadakan tiga kali setahun.

“Selain itu kami turut menyediakan

khidmat lawatan pandu iaitu sebanyak dua kali dalam sebulan yang disertai demonstrasi menyempit, tayangan video, anyaman, ukiran dan tarian sewang,” katanya.

Bagaimanapun, Asmawi menjelaskan, pengunjung boleh membuat permintaan khas untuk lawatan pandu jika tarikh lawatan mereka tidak terdapat program tersebut, namun sedikit bayaran akan dikenakan untuk diberikan kepada Orang Asli yang membuat persembahan.

Tambahnya, Muzium Orang Asli itu juga mengandungi sebuah auditorium yang dilengkapi peralatan audio visual dan boleh memuatkan 100 orang pada satu-satu masa.

Menyadari kepentingan untuk memelihara warisan budaya masyarakat Orang Asli dan supaya orang ramai dapat mempelajari serta memahami cara hidup masyarakat Orang Asli di negara ini, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM4 juta pada tahun ini bagi projek menaik taraf muzium itu.

Menterinya Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, ia memabitkan teknik pencahayaan dan menambah bilangan serta mengubah susun atur artifak bagi menarik perhatian pengunjung.

“Saya yakin muzium ini akan menjadi pusat pelancongan bukan sahaja bagi masyarakat tempatan tetapi juga kepada pelancong-pelancong luar negeri,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara, Ibrahim Ismail berkata, peruntukan yang diterima itu akan digunakan bagi membuat penyelarasan lebih rapi tentang artifak yang dipamerkan selain teknik pencahayaan dan menaik taraf dari segi koleksi dan teknik peraga setiap artifak.

“Kami juga sedang mengumpulkan segala maklumat yang lebih mendalam tentang setiap jenis artifak dan budaya yang dipamerkan.

“Kami ingin menonjolkan penceritaan sama ada dari segi audio dan visual untuk menambahkan kekuatan artifak itu sendiri,” katanya.


Selain itu, Ibrahim berkata, pihak mu-



ASMAWI MOHD. YUNOS



BAJU yang dihasilkan daripada kulit kayu membuatkan para pengunjung berasa kagum. – Gambar Mohd. Naim Aziz




PAKAIAN seragam anggota Senoi Praaq iaitu skuad Orang Asli dalam Pasukan Polis Hutan.

zium juga sedang merancang untuk memperbanyakkan aktiviti minggu, dwi-mingguan serta aktiviti musim cuti sekolah untuk menggalakkan lebih ramai pengunjung.

“Kami merancang untuk memperbanyakkan aktiviti yang berbentuk interaktif dan boleh melibatkan para pengunjung kerana berdasarkan pengalaman, itulah yang pengunjung mahukan.

“Mereka lebih suka jika dapat turut sertamenyempit, menari, mengukir dan menganyam bersama Orang Asli untuk merasa sendiri pengalaman itu,” katanya.

Orang ramai yang berminat untuk mengunjungi Muzium Orang Asli, bolehlah berbuat demikian sama ada datang secara terus ataupun menghubungi talian 03-61883160.



MODEL rumah Sewang yang unik turut dipamerkan di Muzium Orang Asli.

Muzium kebanggaan kami

GOMBAK 21 Feb. – Penubuhan Muzium Orang Asli membuatkan masyarakat Orang Asli merasakan mereka dihargai dan tidak pernah diketepikan walaupun mereka hanyalah kumpulan minoriti di negara ini.

Bagi mereka, usaha murni untuk mengabadikan sejarah silam masyarakat Orang Asli sebagai bahan sejarah tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata.

Tok Batin Kampung Orang Asli Bukit Kala, Gombak, **Hussen Ngah Yin**, 55, berkata, muzium tersebut merupakan sumbangan besar kepada budaya masyarakat Orang Asli.

“Kami masih lagi mengamalkan seni budaya, tradisi dan pantang-larang yang diwarisi sejak turun temurun.

“Muzium ini boleh menjadi landasan kepada orang ramai untuk mengetahui dan memahami cara kehidupan Orang Asli,” katanya yang merupakan suku kaum Temiar.

Bagaimanapun, Hussen meminta agar pihak muzium memperbanyakkan maklumat tentang sesuatu artifak untuk memberi pengetahuan yang lebih jelas kepada



**HUSSEN
NGAH YIN**

pengunjung.

“Muzium ini boleh menjadi sumber rujukan mana-mana pengkaji sejarah, oleh itu segala fakta perlu disediakan dengan lebih jelas dan tepat,” katanya.

Seorang lagi suku kaum Temiar, **Asmi Mat**, 38, berkata, dia berbangga dengan muzium tersebut yang mempamerkan seni budaya dan cara kehidupan masyarakat Orang Asli yang unik dan tersendiri.



ASMI MAT




**ROSLIN
MOHD. RIPIN**

“Kami masih lagi mengamalkan budaya dan adat resam turun-temurun dan kami mahu masyarakat luar mengetahuinya.

“Kami sudi memberi kerjasama kepada pihak muzium jika terdapat maklumat yang mereka perlukan untuk melengkapkan artifak yang dipamerkan,” katanya yang bekerja sebagai penerbit di sebuah syarikat penyiaran.

Roslin Mohd. Ripin, 29, mempunyai



TANI LONG

pengalaman tersendiri setelah mengahwini gadis Orang Asli pada tahun 2002.

“Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang berbudi bahasa dan peramah.

“Kebudayaan mereka unik dan saya kagum dengan seni kraf tangan yang dihasilkan oleh mereka,” katanya.

Roslin juga sependapat dengan rakan-rakannya yang lain tentang Muzium Orang Asli.

“Banyak yang boleh diperbaiki dari segi koleksi dan fakta tentang koleksi yang dipamerkan,” katanya.

Seorang pawang suku kaum Temiar, **Tani Long**, 52, berkata, dia gembira dengan adanya Muzium Orang Asli yang boleh menghubungkan masyarakatnya dengan masyarakat luar.

“Banyak yang boleh dikongsi bersama iaitu dari segi kebudayaan, perubatan tradisional dan seni kraftangan.

“Selain itu, masyarakat luar boleh memahami segala adat resam dan pantang larang yang kami amalkan sejak turun-temurun kerana itulah keunikan masyarakat Orang Asli,” katanya.